

	Muka
Perishtiharan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei	1
Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei	2
Undang2 Kuasa dan Pertadbiran Harta Pesaka Negeri Brunei	5
Undang2 Custom Negeri Brunei yang baharu mengenai barang2 dari)	7
luar negeri ka Brunei)	
Mashuarat Lembaga Panasehat Daerah Brunei mengenai PARTY RA'AYAT	8
Ranchangan Kerajaan Brunei mengembangkan Perusahaan Getah	9
Faedah Pedagang2 Beras di Brunei untok membawa masok beras terus)	10
dari Negeri Siam)	
Pegawai2 Tanah Brunei	11
Peraduan Lukisan Poster Hari Kesehatan Sa Dunia	12
Kebakaran di Temburong	12
-----	12
	12
	13
	13
	13
	13
	14
	14
	15
	15
	16
	16
	17
	17
	17

	Muka
Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei kapada PELITA BRUNEI	1
Uchap Selamat British Resident Brunei kapada PELITA BRUNEI	2
Suasana Politik di Brunei	3
Pendaftaran Party Ra'ayat Chawangan Brunei	5
Pendaftaran Pertubohan2 di Brunei	6
Belon2 Chuacha di Brunei	6
Pesuroh Jaya Gaji Melawat Brunei	7
Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia melawat Brunei	8
Jawatan DYMM Sultan Brunei ka SOAS College Brunei	9
Penuntut2 Brunei di England dan di Australia	10
Guru2 Perempuan ka Maktab Perguruan Kent	11
Pusat Latehan Guru2 Melayu Negeri Brunei	12
20 Orang Penuntut2 di Brunei lulus Pepereksaan Sarawak Jun. Cert.	12
Pepereksaan Kerani2 Jawatan Rendah	13
Dato Maharaja Setia	13
Inche' Suhaimi ka Kuching	13
Wartawan Inggeris melawat Brunei	13
Jawatan Kuasa Kewangan Negeri Brunei	14
Dr. Wallace tiba di Brunei pada 23 February.....	14
9 Pembesar2 di Borneo dikurniakan Gelaran Tahun Baharu	15
Lantekan Baharu Pegawai2 Kerajaan Brunei	16
AL-ISLAM DZAHIR	16
Peraduan Silat dan Kuntau seluruh Brunei 1956...	17
Brunei Sports Club	17
Perlawanan Bola Sepak Sekolah2 seluruh Brunei	18



Tahun 1 Nombor 3

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

16 March, 1956.

PERISHTIHARAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah mendapat tahu bahawa nama Duli Yang Maha Mulia itu telah digunakan oleh sabilangan orang2 ramai di Brunei dan di lain2 tempat sebagai menyokong sabuah pertubohan siasah yang baharu di Brunei.

Oleh kerana perkara yang sabenarnya berhubung dengan hal tersebut wajiblah diketahui oleh orang2 ramai, maka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Wazir Yang Kedua Negeri Brunei telah mengeluarkan satu Perishtiwaran dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei saperti berikut:-

" BAHAWASANYA telah datang ka pengetahuan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang nama Duli Tuanku telah digunakan di Negeri Brunei dan di lain2 tempat sebagai menyokong pertubohan siasah yang baharu (PARTY RA'AYAT).

" MAKA DISINI DI ISHTIHARKAN bahawa Duli Yang Maha Mulia tiada pernah membuat sebarang kenyataan berhubung dengan mempersetujui penubohan Party ini atau lain2 Party dan selanjutnya di ishtiharkan bahawa sebarang kegunaan nama Duli Yang Maha Mulia Sultan bersangkut paut dengan Party ini adalah tidak betul dan tidak di ingini oleh Duli Tuanku siapa sebagai Sultan tidak mengambil bahagian dalam perselisehan politik.

" Dalam pada itu juga Duli Yang Maha Mulia menitahkan kapada saya menyatakan bahawa Baginda dan Kerajaannya tidaklah pernah memikirkan dan tidak ingin akan menyatu atau mempersekutukan Negeri Brunei dengan mana2 negeri yang lain.

" Shahadan lagi Duli Yang Maha Mulia perchaya bahawa hal ehwal ra'ayatnya serta kema'moran bagi masa2 yang akan datang lebeh baik terchapai dengan memelihara chara ka Sultan Negeri Brunei yang turun temurun disesuaikan dengan kehendak2 dan fahaman2 zaman ini.

" Adalah dasar Kerajaan Baginda ialah hendak berkehidupan yang aman, damai dan bermaufakat dengan semua jiran2 kita bagi jalan yang kebajikan, mengukuhkan tali persahabatan dan bertolongan untok kema'moran dan kesentosa'an kita sekalian sebagai ahli2 yang terkandung dalam lengkongan British Commonwealth of Nations.

Brunei. 8 March, 1956.

DULI PENGIRAN PEMANCHA
BRUNEI."

Dalam keluaran PELITA BRUNEI yang lalu kita telah menyiarkan berbagai2 perkara mengenai Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei sebagai mana yang telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Untuk pengetahuan orang2 ramai, Undang2 Ugama yang baharu itu adalah didasarkan kepada sebuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya dalam sebuah negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Meskipun bagitu, berbagai2 perkara telah pun diubahkan oleh Pehak Yang Berkuasa supaya sesuai dengan keadaan dalam Negeri Brunei dan Undang2 itu telah berjalan kuat kuasanya mulai 1 haribulan February tahun ini.

Pada keluaran yang lalu, kita telah menyiarkan perkara2 yang berhubung dengan: Kesalahan tidak sembahyang Juma'at; Fasal minum minuman yang memebokkan; Makan siang hari dalam Bulan Puasa; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama yang palsu; Membangun Masjid dengan tiada kebenaran; Tegahan menggunakan Ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama dan lain2nya.

Selanjutnya pada keluaran ini kita siarkan lagi perkara2 berhubung dengan Undang2 tersebut:

Lantekan Mufti

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bolehlah dengan membuat siaran dalam Warta Kerajaan melantek mana2 orang yang layak menjadi Mufti Kerajaan bagi Negeri ini dan boleh pada bila2 masa membatalkan lantekan itu.

Pada masa Mufti Kerajaan itu meninggalkan jawatannya, segala kuasa2 dan kewajibannya yang ditugaskan kepadanya oleh Undang2 Ugama tersebut akan dijalankan oleh Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri.

Mufti itu hendaklah, kerana jawatannya, menjadi saorang Anggota Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei.

Sabuah Jawatan Kuasa Undang2 Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei hendaklah diadakan dengan mengandongi saorang Mufti Kerajaan dan tidak kurang daripada dua orang Ahli2 Majlis yang lain yang menjadi Ahli2 Majlis atau bukan yang difikirkan patut dan sesuai oleh pehak yang berkenaan.

Ahli2 Jawatan Kuasa Undang2 itu, selain daripada Mufti, akan dilantek oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dalam tempoh masa yang difikirkan patut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Sultan Brunei bolehlah pada bila2 masa membatalkan mana2 lantekan serupa perkara tersebut dan kenyataan berkenaan dengan perkara itu hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan.

Mufti itu akan menjadi Pengurus Jawatan Kuasa Undang2 dan pada masa peninggalannya, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah melantek saorang Anggota Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei menjadi Pengurus.

Pengurus dan empat orang Ahli2 dari Jawatan Kuasa Undang2, hendaklah menjadi bilangan chukop bagi menjalankan persidangan. Jawatan Kuasa Undang2 itu bolehlah berkuasa mengatorkan pekerjaannya

sendiri, jika ...

Andiri, jika dikehualikan oleh mana2 Undang2 yang bertulis.

Ahli2 Jawatan Kuasa Undang2 itu hendaklah diakui sebagai kaki-tangan Kerajaan mengikut sharat2 yang terkandung dalam Undang2 Jena-yah.

Fetua2

Mana orang boleh, dengan surat yang dialamatkan kepada Setia Usaha, minta Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei mengeluarkan satu FETUA atau ketetapan atas mana2 masaelah Hukum Shara' atau Nas atau Undang2 'Adat Istiadat Negeri. Setia Usaha Majlis itu hendaklah hantarkan permintaan itu kepada Pengurus Jawatan Kuasa Undang2.

Jawatan Kuasa Undang2 hendaklah menimbangkan permintaan itu dan hendaklah dikehualikan pada fikirannya perkara itu hanya karut atau dengan apa2 sebab yang tidak patut diberi jawab kepadanya dengan jalan menyediakan suatu Fetua baginya.

Jika Rang Fetua itu dipersetujui dengan sabulat suara oleh Jawatan Kuasa Undang2 atau Ahli2 yang hadir, iaitu ahli2 yang berkua-sa mengundi, maka hendaklah Pengurus bagi pihak dan dengan nama Ma-jlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri ini, mengeluarkan Fetua itu pa-da setiap masa.

Jika didalam mana2 hal, Jawatan Kuasa Undang2 tidak bersetu-ju dengan sabulat suara, maka perkara itu hendaklah dirojokkan ka-pada Majlis tersebut yang akan mengeluarkan dengan jalan yang demi-kian juga Fetuanya mengikut fikiran ramai daripada ahli2nya.

Dengan sharatnya bagi apa2 sebab yang khas, perkara tersebut bolehlah disebarkan oleh Majlis kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi mengambil keputusan. Perkara sademikian juga hendaklah disem-bahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan jika Mufti Kerajaan berke-hendakkan bagitu.

Bolehlah Majlis Ugama itu menyiarkan sesuatu ketetapan atas mana2 so'al pada bila2 masa dengan sendirinya dalam segala perkara. Apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah membuat sesuatu ke-tetapan, maka Majlis Ugama itu akan mengeluarkan suatu Peraturan mengenai ketetapan yang diperolehi itu pula.

Kesemua Fetua atau ketetapan2 atas mana2 masaelah Hukum Shara', atau Nas, atau Undang2 'Adat Istiadat Negeri Brunei yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama itu, hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan.

Tatkala membuat dan mengeluarkan sesuatu Fetua dengan jalan ya-ng telah disharatkan itu, maka lazimnya Majlis Ugama itu dan juga Jawatan Kuasa Undang2 mengikut kaul yang ma'tamad daripada Mazhab Shafei:

Dengan sharatnya jika difikirkan bahawa dengan mengikut kaul yang ma'tamad itu akan menjadi berlawanan dengan muslihat orang2 ra-mai, maka bolehlah Majlis Ugama itu atau Jawatan Kuasa Undang2 me-ngikut kaul yang dzaif daripada diikuti itu, terangkan dengan jelas dengan menggunakan sebarang huraian2 yang mustahak.

Tatkala membuat dan mengeluarkan apa2 Fetua dengan mengikut sharat2 yang terkandung dalam Undang2 Ugama ini, maka Majlis Ugama yang terma'lum akan memerhatikan 'Adat Istiadat Negeri Brunei.

Mana2 ketetapan yang diberi oleh Majlis Ugama itu, sama ada terusnya atau menerusi Jawatan Kuasa Undang2, mengikut sharat2 yang terdahulu daripada ini, jika Majlis Ugama itu menetapkannya atau ji-ka Duli Yang Maha Mulia Sultan memerintahnya, akan dikeluarkan dalam siaran Warta Kerajaan, dan akan menjadi mustahak kepada semua orang2

Islam yang mendudoki...

Islam yang menduduki dalam Negeri yang Mazhab Shafiee, selain dari pada orang2 Islam yang bukan dari bangsa Melayu, yang terlindung daripada Undang2 persaoiran, selain daripada yang terdapat di negeri..

Jawatan Kuasa Kehakiman

Jawatan Kuasa Kehakiman Majlis Ugama tersebut hendaklah diadakan dengan mengandungi Mufti Kerajaan, dua orang lagi Ahli2 biasa dan beberapa banyak Ahli2 tambahan.

Mufti Kerajaan hendaklah menjadi Pengurus Jawatan Kuasa Kehakiman itu. Pada masa peninggalan Mufti itu, bolehlah Duli Yang Maha Mulia Sultan melantekkan seorang Pengurus untuk memenohi jawatan

Jawatan Kuasa Kehakiman itu hendaklah didalam segala perkara menjalankan pekerjaan menerusi Pengurusnya dan dua orang Ahli2 yang lain, iaitu lazimnya jika ada mereka itu pada menjalankannya, atau pada masa peninggalan salah satu daripada mereka itu atau kedua2nya maka bolehlah dilantek bagi maksud itu.

Dengan terkena kepada mana2 Undang2 yang bertulis, hendaklah Jawatan Kuasa Kehakiman itu mempunyai kuasa pada mengatorkan peraturan pekerjaan dan pertadbirannya.

Maka Ahli2 Jawatan Kuasa Kehakiman itu hendaklah disifatkan menjadi kaki-tangan2 Kerajaan mengikut bagaimana yang dinyatakan dalam Undang2 Jenayah.

Jika didalam mana2 Mahkamah yang lain daripada Mahkamah Ugama mana2 so'al darihal Undang2 Shara' atau Nas atau 'Adat Istiadat Negeri diminta fikiran, dan Mahkamah tersebut berkehendaki fikiran Majlis atas so'al itu, maka so'al itu hendaklah dirojokkan kepada Jawatan Kuasa Kehakiman yang akan memberi fikirannya kerana dan bagi pertanggungjawabannya dan dengan nama Majlis Ugama tersebut mengikut fikiran ramai daripada Ahli2nya dan mengesahkan fikirannya itu kepada Mahkamah.

Jawatan Kuasa Kehakiman itu hendaklah menjalankan apa2 tanggungjawab yang lain dan hendaklah mempunyai hak2 yang lain dan kuasa2 sebagai yang akan diberi tahu atau diletakkan keatasnya oleh Undang2 yang bertulis.

× KATHI BESAR BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bolehlah melantekkan mana2 orang yang layak menjadi KATHI BESAR ("Chief Kathi") bagi Negeri Brunei, dan bagitu juga Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh melantekkan mana2 orang yang layak menjadi Kathi2 bagi kawasan2 bagaimana yang boleh ditetapkan dan bolehlah pula pada bila2 masa pun membatalkan lantekan itu. Lantekan2 itu hendaklah disiarkan didalam Warta Kerajaan.

Maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengurniakan atau membatalkan Surat2 Tauliah yang diberi kepada mana2 Kathi Besar atau Kathi2 daripada satu masa ke satu masa yang lain dan dengan mengikut keperluan pada syarat2 surat itu menyekatkan perjalanan mana2 kuasa yang kelak akan terkurnia dengan apa2 jalan kepada Kathi Besar atau Kathi oleh Undang2 ini atau pun oleh mana2 lain Undang2 yang bertulis.

Melainkan bagaimana yang tersebut dahulu itu, maka sempadan kawasan kuasa, hak serta kuasa2 mana2 Kathi Besar atau Kathi hendaklah mengikut setakat yang dikurniakan oleh Undang2 ini atau pun oleh mana2 Undang2 lain yang bertulis.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dengan siaran dalam Warta Kerajaan bolehlah menubuhkan sebuah Mahkamah Kathi Besar bagi Negeri Brunei di Bandar Brunei.

UNDANG2 KUASA DAN PERTADBIRAN HARTA PESAKA NEGERI BRUNEI

Sabuah Undang2 dinamakan Undang2 Kuasa dan Pertadbiran Harta Pesaka untok memberi peluang kapada waris2 mewarisi harta pesaka orang2 yang telah meninggal dunia, kapada kenalan2 dan sanak saudara orang2 yang telah meninggal dunia dalam Negeri Brunei telah berjalan kuat kuasa baharu2 ini.

Undang2 tersebut telah melantek British Resident, Brunei menjadi Pegawai Menjaga Kuasa seluruh Brunei dan memberi kuasa kapada beliau untok melantek Timbalan2 dan Penulong2 Pegawai Kuasa bagi Daerah2 yang tertentu.

Menurut kapada kuat kuasa yang diberi kapadanya oleh Undang2 tersebut, maka British Resident, Brunei telah melantek tiga orang menjadi Timbalan2 Pegawai2 Kuasa, iaitu:-

Penulong Resident, Brunei: Kuasanya adalah mengandongi semua kawasan disabelah timor Sungei Tutong.

Penulong Resident, Belait: Kuasanya adalah mengandongi kawasan2 di barat Sungei Tutong.

Penasehat Undang2 kapada British Malayan Petroleum Company Limited, Seria: Kuasanya adalah untok mentadbirkan harta2 yang ditinggalkan oleh orang2 yang mati yang bekerja sebagai Pegawai2 atau Pekerja2 Sharikat Minyak itu.

Undang2 yang baharu itu telah dibuat untok memberikan jaminan bahawa segala harta pesaka yang ditinggalkan oleh orang yang mati, sama ada lelaki atau perempuan, akan ditadbirkan dengan sechara 'adil dan saksama. Terlebeh dahulu belumlah ada Undang2 saperti yang tersebut di Brunei untok memberi jaminan kapada waris2 mewarisi harta pesaka orang2 yang telah meninggal dunia, kapada kenalan2 dan sanak2 saudara orang2 yang telah meninggal dunia dalam Negeri Brunei.

Jika diban dingkan dengan keadaan disatengah2 Negeri, pekerjaan menguruskan harta pesaka yang terma'lom dijalankan oleh Mahkamah Tinggi.

Undang2 tersebut juga akan mengambil berat, tatkala melaksanakan tugas2nya untok memelihara dan menurut 'adat istiadat, kebiasaan dan ugama segala puak dan bangsa yang mendiami didalam Negeri Brunei.

Sebagai suatu mithalan, apabila saorang Islam meninggal dunia, maka Pegawai yang menjaga kuasa akan mengikuti Undang2 Islam dan nasehat dari Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei untok mengurus dan membahagikan2 hak yang ditinggalkan oleh orang yang mati itu menurut wasiatnya, jika ada.

Apabila orang yang mati itu bukan orang Islam, tetapi orang dari satu daripada puak2 anak negeri yang ada di Brunei, dan jika-lau ia tidak meninggalkan wasiat apa2 pun, maka Pegawai yang menjaga kuasa, apabila menguruskan harta pesaka orang tersebut, akan menurut 'adat puak atau bangsa itu sabagaimana yang lazim dijalankan didalam Negeri Brunei.

Harta pesaka orang2 yang bukan Islam yang datang dari luar negeri, dan meninggal di Brunei, atau sasiapa yang meninggal dunia dalam perjalanannya ka Brunei, akan diuruskan mengikut sharat2 atau sebagainya yang ditulis dalam surat wasiat yang ditinggalkan oleh orang yang mati itu, atau (jikalau tidak ada surat wasiat) mengikut Undang2 Inggeris.

Pemberian kuasa adalah...

Pemberian kuasa adalah pengakuan dari pihak yang berkuasa (Kerajaan) bahawa surat wasiat yang ditunjukkan kepada mereka adalah benar wasiat dari orang yang mati. Pemberian Surat2 Kuasa Pertadbiran kepada orang2 yang ditentukan adalah bermakna suatu kuasa untuk orang itu menjalankan kerjanya bagi menutupkan kira2 harta pesaka orang yang mati yang tidak meninggalkan sebarang surat wasiat.

Memberi kuasa atau mengeluarkan surat2 kuasa pertadbiran harta yang ditinggalkan oleh orang yang mati itu adalah membuka jalan bagi memulakan kerja membahagikan atau memindahkan harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang mati itu. Sebelum surat2 kuasa itu diberi dan dikeluarkan, maka harta yang ditinggalkan oleh orang yang mati itu tidaklah boleh diusek2.

Bila orang yang mati itu meninggalkan satu wasiat, maka kuasa biasanya diberi kepada wakilnya, iaitu nama orang yang disebut didalam surat wasiat itu untuk memerhatikan bahawa aturan2 yang ditulis dalam surat wasiat itu dijalankan dengan sabaik2nya.

Jika sakiranya tidak ada wakil dinamakan dalam surat wasiat itu, atau wakil yang disebutkan dalam surat wasiat tidak layak atau tidak mahu untuk melakukannya atau menjalankannya seperti kehendak2 wasiat itu, maka kuasa bolehlah diberikan kepada ahli2 warisnya yang tinggal atau kepada orang yang diberikan surat kuasa kepadanya untuk menguruskan harta orang yang mati itu, sakiranya orang yang mati itu tidak membuat sebarang surat wasiat.

Apabila tidak ada surat wasiat yang ditinggalkan, maka orang ini adalah berhak mengikut susunan yang diberikan untuk mendapat Surat2 Kuasa, iaitu:-

Suami atau isteri orang yang mati; anak2, atau lain2nya; bapa atau emak simati; adek beradek perempuan yang saibu sabapa; adek beradek lelaki yang sabapa atau adek beradek perempuan yang sabapa; datok lelaki atau datok perempuan; bapa2 saudara atau emak2 saudara dari sebelah bapa; orang2 yang berpiutang.

Kewajipan2 dan tanggungan dari orang2 yang bertalian dekat dengan orang yang mati adalah disebutkan dengan salengkapnya dalam Undang2 tersebut. Orang2 yang menyimpan surat wasiat orang2 yang mati, hendaklah dengan tidak membuang masa menyerahkan surat wasiat itu kepada Pegawai Kuasa dan barang siapa yang lalai atau enggan membuat sademikian bolehlah didenda sahingga \$ 2,000.

Sesiapa pun tidaklah boleh membawa keluar sebarang harta benda orang yang mati dari Negeri Brunei, atau membinasakan atau menyembunyikan atau menyimpan harta2 saumpama harta2 itu. Jika sakiranya barang siapa melanggar perintah ini, maka ia akan didenda sahingga \$ 2,000 dan harus dipenjarakan.

Kuasa atau Surat2 Kuasa mestilah diminta' dalam semua keadaan apabila kebun atau harta simati berharga lebih dari \$ 2,500. Jika lau kebun itu berharga kurang dari itu, maka Pegawai Kuasa bolehlah dengan chara yang ringkas, dengan menurut wasiat atau Undang2 yang berkenaan.

Ketentuan istimewa mengenai mata2 dan pegawai2 penjara dibawa pangkat Sub-Inspector, dan dalam hal ini Chief Police Officer atau Superintendent of Prisons masing2 hendaklah dengan segeranya menutup atau menjualnya harta orang yang mati itu, dan menyerahkan harganya atau wangnya kepada Penyimpan Wang Negeri Brunei untuk dibahagikan oleh Pegawai Kuasa.

Chukai2 kebun atau harta adalah dibayar mengikut Undang2 Stamp Negeri Brunei atas semua kebun atau tanah yang berharga lebih dari- \$ 1,000 dan chukai ini adalah chukai pertama yang harus dibayarkan

sabelum pegawai kuasa...

1) sebelum pegawai kuasa membahagikan harta pesaka orang yang mati itu kepada waris2nya yang berhak menerimanya. Chukai2 tanah atau harta adalah 1% atas tiap2 kebun yang berharga lebih \$ 10,000; 3% atas kebun2 yang berharga lebih \$ 25,000; dan bagitulah hingga 17% atas satengah juta ringgit dan 19% atas satu juta ringgit, dan kemudian chukai tanah itu adalah dengan kiraan 20%.

UNDANG2 CUSTOM NEGERI BRUNEI YANG BAHARU MENGENAI BARANG2 DARI LUAR NEGERI KA BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Majlis Mashuarat Negeri baharu2 ini telah mengeluarkan satu Perintah berhubung dengan barang2 dari luar negeri yang dibawa masuk ka Brunei dengan tidak payah membayar chukai Custom.

Perintah yang baharu itu, yang telah berjalan kuat kuasanya mulai 1 haribulan March tahun ini, adalah mengenai tiap2 orang yang membawa masuk barang2 ka Negeri Brunei, iaitu dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei; Pesurohjaya Tinggi Brunei; British Resident Brunei seterusnya mengenai tiap2 pelawat yang datang pada julong2 kali ka Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei adalah dikechualikan dari membayar kesemua barang2 yang dibawa masuk ka Negeri Brunei.

Pesuroh Jaya Tinggi Brunei, yang tempat tinggal beliau berada di Muara, dikechualikan dari membayar kesemua barang2 makanan dan bagitu juga British Resident Brunei dikechualikan dari membayar chukai mengenai sebarang benda yang dibawa masuk ka Negeri ini.

Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha adalah dikechualikan dari membayar chukai Custom atas sebarang benda yang dibawa masuk ka Brunei untuk kegunaan diri sendiri dan bukanlah untuk dijualkan kepada orang2 ramai.

Pejabat2 Kerajaan dikechualikan dari membayar chukai Custom atas sebarang jenis benda yang dibawa masuk ka Brunei dari luar negeri untuk kegunaan Pejabat2 yang berkenaan.

Lain2 pihak yang dikechualikan dari membayar chukai Custom itu adalah seperti berikut:-

Pegawai2 dan Ahli2 Pasokan Tentera Diraja British yang berada di Brunei adalah dikechualikan dari membayar chukai mengenai rokok, tembakau dan beer. Tiap2 ahli pasokan Tentera dikechualikan dari membayar chukai tidak lebih dari 200 batang rokok atau satengah pound tembakau pada tiap2 bulan.

Pasokan Tentera Diraja British di Brunei dikechualikan dari membayar chukai mengenai kesemua barang2 kegunaan mereka termasuk minyak petrol.

Sebarang perkhidmatan Kapal Terbang; Tuan Punya, Pemandu atau Wakil2 Sharikat Kapal Terbang, dan orang yang menjaga sebarang jenis kapal, kenderaan jalan raya atau kapal terbang, adalah dikechualikan dari membayar chukai mengenai minyak petrol dan lain2 jenis minyak yang mereka menggunakan.

Sharikat Minyak British Malayan di Seria adalah dikechualikan dari membayar chukai...

dari membayar cukai mengenai kesemua barang2 yang mengandungi dalam Perjanjian yang dibuat diantara Kerajaan Brunei dan Sharikat Minyak itu.

Pelawat2 yang datang ka Brunei dari luar negeri adalah dikecualikan dari membayar cukai mengenai kesemua barang2 yang sudah dipakai.

Selain daripada tersebut, tiap2 pelawat ka Brunei adalah dikecualikan daripada membayar cukai barang2 yang dibawa masuk ka Brunei mengenai: arak dalam botol, tidak lebih dari sukatan 1 quart pada tiap2 jenis; 200 batang rokok atau setengah pound tembakau serta barang2 kegunaan diri sendiri.

Orang2 dari luar negeri yang tinggal di Brunei adalah dikecualikan dari membayar cukai Custom mengenai barang2 yang digunakan di rumah mereka.

Kaki-tangan2 Kerajaan Brunei; Persekutuan Palang Merah Brit Persekutuan Pengakap2 dan Pengakap2 Perempuan (Girl Guides) adalah dikecualikan dari membayar cukai mengenai pakaian sama (Uniform) mereka yang dibawa masuk dari luar negeri ka Brunei.

Pedagang2 bolehlah, dengan tidak payah membayar cukai, membawa masuk ka Brunei contoh2 barang2 perniagaan mereka, dengan syarat bahawa barang2 itu hendaklah dipereksa oleh Pegawai2 Kanan Custom dengan memberi puas hati kepadanya bahawa barang2 itu bukanlah hendak dijual kepada orang2 ramai.

Diantara berbagai2 jenis benda yang dibawa masuk ka Negeri ini oleh Pedagang2 dengan tidak payah membayar cukai Custom ialah, barang2 makanan kanak2, bendera2, kelambu2 dan barang2 yang digunakan untuk membuat 'amal ibadah.

MASHUARAT LEMBAGA PENASEHAT DAERAH BRUNEI

MENGENAI PARTY RA'AYAT

Lembaga Penasehat Daerah Brunei, dalam mashuaratnya baharu2 ini telah merundingkan perkara mengenai Party Ra'ayat Chabang Brunei diantaranya ialah tentang so'alan sama ada Negeri Brunei telah menghantarkan seorang Wakil untuk menghadiri Congress Party Ra'ayat Malaya yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun yang lalu.

Sebab pun yang perkara tersebut telah dirundingkan ialah kerana menurut satu siaran dalam akhbar harian "Utusan Melayu" dari Singapura bertarikh 31 December, 1955, Inche' S.M. Azahari telah dikatakan menghadiri Congress Party Ra'ayat Malaya di Kuala Lumpur tidak berapa lama dahulu dengan sifat beliau sebagai Wakil Ra'ayat diseluruh Kalimantan Utara termasuk Negeri Brunei.

Pengurus Lembaga Penasehat Daerah itu telah membacakan berita mengenai perkara tersebut dan kemudian beliau telah meminta fikiran daripada Ahli2 Lembaga itu adakah mereka mengakui bahawa berita yang tersebut benar atau tidak. Beliau juga telah menyo'al kepada Ahli2 sakelian iaitu adakah mereka mengakui Inche' Azahari sebagai seorang Ahli Lembaga Penasehat Daerah Brunei?

Pengurus Lembaga tersebut juga telah menyo'al adakah Ketua2 Kampong diseluruh Brunei telah memberi kaizinan kepada Inche' Azahari untuk mewakili Ra'ayat Negeri Brunei ka Congress Party Ra'ayat Malaya

di Kuala Lumpur...

di Kuala Lumpur tempoh hari ?

Satelah mengadakan perbincangan, maka Lembaga Penasehat Daerah Brunei itu telah bersetuju dengan sabulat suara bahawa Lembaga itu tidak pernah memberi sebarang kaizinan kepada sesiapa pun sebagai Wakil Ra'ayat Brunei menghadrir Congress Party Ra'ayat Malaya di Kuala Lumpur.

Majlis itu juga telah bersetuju menerima satu ketetapan yang dikemukakan oleh seorang Ahlinya, iaitu hendaklah Lembaga tersebut memberi kuasa penuh kepada Pengurus Lembaga Penasehat Daerah Brunei untuk mengambil langkah yang mustahak bagi menafikan sama sekali yang Inche' S.M. Azahari telah menjadi Wakil mereka ka Congress yang terma'lom.

Kesemua keputusan2 yang telah dipersetujukan oleh Lembaga Penasehat Daerah Brunei itu berkenaan dengan kehadiran Inche' Azahari ka Congress Party Ra'ayat Malaya itu sudah pun dikemukakan kepada Kerajaan Brunei oleh Lembaga Penasehat Daerah itu.

RANCHANGAN KERAJAAN BRUNEI MENGEKEMBANGKAN PERUSAHAAN GETAH

Satu ranchangan untuk mengembangkan perusahaan perniagaan getah dalam Negeri Brunei telah diluluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangannya baharu2 ini.

Ranchangan itu yang akan memakan belanja sebanyak \$5,000,000 akan dijalankan dengan wang yang akan diperolehi dari Ranchangan Perkembangan Lima Tahun Negeri ini dan juga dengan benda2 yang diperolehi dari Ranchangan Perkembangan itu bagi membantu pekebun2 kecil diseluruh negeri ini untuk menambahkan hasil2 perusahaan mereka.

Pedagang2 getah di Brunei telah menghantarkan keluar negeri sebanyak 882 ton getah sahaja pada tahun 1954, jika dibandingkan dengan pengeluaran getah sebanyak 1,169 ton pada tahun 1953.

Sebab pun yang hantaran tersebut keluar negeri telah kurang pada tahun 1954, ialah kerana harga getah lebih rendah lagi pada tahun itu daripada tahun 1953, dan juga oleh kerana sabilangan dari penanam2 getah tidak mengambil berat dalam perusahaan menanam getah semula.

Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang baharu2 ini telah diberi tahu bahawa pada masa sekarang sebanyak 31,500 ekar tanah diseluruh Brunei yang mengandungi pohon2 getah dan kebanyakan daripadanya adalah perusahaan yang diselenggarakan oleh penduduk2 negeri dan bukanlah oleh Sharikat2 Perusahaan Getah.

Ranchangan yang baharu itu akan berusaha menanam getah baharu diseluruh Brunei mengandungi sebanyak 11,000 ekar tanah dan juga menanam semula getah2 yang lama dikawasan2 berjumlah sebanyak 8,000 ekar tanah.

Kesemua perusahaan yang baharu itu akan diusahakan dibawah pertadbiran Jawatan Kuasa Perkembangan Getah, iaitu mengandungi Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri sebagai Pengurus; Pegawai Pertanian Negeri dan diantara dua dan empat orang Ahli2 yang dilantek oleh Yang Berhormat British Resident, Brunei.

Sabuah kawasan bagi menyediakan biji2 getah dari jenis yang

baik untuk ditanam...

baik untuk ditanam telah pun disediakan di Berakas, iaitu tidak jauh dari Bandar Brunei.

Pekibun2 kechil yang berkehendak biji2 getah itu untuk menan-
lankan perusahaan mereka sendiri bolehlah membuat permintaan itu ka-
pada Pejabat Pertanian Negeri di Bandar Brunei.

Bantuan sebanyak \$ 175 mengandungi wang dan barang2 akan diberi
kapada pekebun2 kechil untuk tiap ekar tanah yang ditanam dengan getah
yang baharu dan juga lain2 pemberian akan diberikan kapada pekebun2
getah kechil itu.

Bantuan2 untuk menanam semula akan diberi sehingga \$ 150 satu
ekar tanah untuk membersekan ladang getah. Selain daripada itu ha-
diah2 sebanyak \$ 100 satu ekar akan diberi selepas satu tahun; ha-
diah sebanyak \$ 50 satu ekar akan diberi selepas dua tahun dan bagitu
juga hadiah sebanyak \$ 50 satu ekar akan diberi selepas tiga tahun,
dengan syarat bahawa pokok2 baru itu telah hidup dengan subur dan bai-
dan juga ladang getah itu telah dijagai dengan memberi puas hati ka-
pada pehak yang berkenaan.

Penanam2 getah yang telah menanam semula getah2 mereka dengan
menurut nasehat dari Pejabat Pertanian, tetapi telah menyiapkan pe-
kerjaan mereka sebelum ranchangan baru ini berjalan kuat kuasanya
akan diberi bantuan wang untuk menutup perbelanjaan membeli perkakas
menanam getah yang telah digunakan. Hadiah sebanyak \$ 50 akan diberi
juga untuk tiap2 ekar tanah dengan syarat ladang getah itu dijagai
dengan baiknya.

Bantuan2 tidak akan diberi untuk menanam getah2 baru diatas
tanah yang kurang daripada tiga ekar, atau untuk menanam semula di-
atas tanah yang kurang daripada satu ekar sungguh pun gabungan antara
tanaman semula dan tanaman baru, yang jika dijumlahkan menjadi tiga
ekar akan diberi pertimbangan.

Sabagai langkah yang pertama, maka adalah ditetapkan bahawa
luasnya tanah yang dapat diberi bantuan untuk penanam semula ialah 10
ekar pada tiap2 ladang.

Selanjutnya bantuan hanya akan diberikan kapada pekebun2 ke-
chil jika mereka sanggup mengaku ta(at dengan mengikuti syarat2 dan
peraturan2 yang ditetapkan oleh Jawatan Kuasa Perkembangan Getah me-
ngenai banyaknya pokok2 getah yang boleh ditanam diatas tiap2 satu
ekar tanah.

Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam persidagangannya berhu-
bong dengan ranchangan mengembangkan perusahaan getah tersebut, tel-
ah memutuskan untuk mengeluarkan perbelanjaan yang cukup dibelan-
jakan bagi melancarkan ranchangan baharu itu dan telah menguntukkan
baki dari wang yang sejumlah \$ 5,000,000 yang telah diuntukkan bagi
mengembangkan perusahaan perniagaan getah dalam Negeri Brunei.

FAEDAH PEDAGANG2 BERAS DI BRUNEI UNTUK MEMBAWA MASOK BERAS TERUS DARI NEGERI SIAM

Pedagang2 beras di Brunei bolehlah memohonkan kapada Kera-
jaan Brunei untuk membawa masok beras terus dari Negeri Siam ka Bru-
nei mulai dari 1 haribulan April, 1956.

Bagi mendapat kemasokan...

Bagi mendapat kemasokan beras itu dengan segera dan mengurangkan harga muatan daripada Bangkok ka Brunei, adalah mustahak bagi pembawa2 barang2 dari luar negeri di Bandar Brunei dan di Kuala Belait menhuba dan mengatorkan bagi kemasokan kapal2 mereka.

Pedagang2 beras adalah diperingatkan bahawa permohonan kerana membawa masuk beras yang kurang daripada seratus guni tidaklah akan dibenarkan oleh Kerajaan.

Pedagang2 beras hendaklah berhati2 menurut perintah yang dikeluarkan oleh Kerajaan berhubung dengan perkara tersebut. Jika saki-maka orang yang membuat permohonan itu tidaklah boleh menerima mana2 surat kebenaran kerana membawa barang2 dari luar negeri bagi dua belas bulan yang berikut.

Penjual2 beras dengan jalan borong sahaja yang boleh dibenarkan membeli beras daripada Gudang Perbekalan Makanan Kerajaan dan mereka akan mengadakan dan membayar gaji buruh yang dikehendaki menimbang berat beras2 yang mereka membeli dan juga membayar kepada buruh2 untuk memindahkan barang2 mereka daripada Gudang salepas bayaran.

Penjual2 beras dengan jalan borong adalah diperingatkan bahawa mereka adalah dibenarkan supaya membuat pesanan apa jua pun sebahagian beras dari jumlah beras yang akan dimasokan oleh mereka dari jenis2 barang yang diterangkan oleh Kerajaan.

Sebab pun yang pehak Kerajaan menjalankan langkah sademikian ialah kerana beras yang berharga rendah mestilah sentiasa didapati untuk jualan kepada orang2 ramai.

Pejabat2 Kerajaan diseluruh Brunei dan orang2 ramai bolehlah membeli beras yang mereka kehendaki melalui penjual2 di kedai2 mulai hari Ahad 1 haribulan April akan datang.

PEGAWAI2 TANAH BRUNEI

British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert telah melantek beberapa orang Pegawai2 Kerajaan Negeri Brunei menjadi Pegawai2 Tanah pada tahun ini seperti berikut:-

Mr. R.H. Morris; Penulong Resident, Brunei; Penulong Resident, Kuala Belait; dan Penulong Pemungut Hasil Tanah Negeri Brunei.

Selain daripada jawatan2 tersebut, empat orang lagi Pegawai2 Kerajaan Negeri Brunei telah dilantek untuk menjadi Ketua Pejabat2 Tanah Daerah2 Brunei-Muara, Kuala Belait, Tutong dan Temburong, iaitu:-

Timbalan Penulong Pemungut Hasil Tanah Brunei menjadi Ketua, Pejabat Tanah Daerah Brunei-Muara; Pegawai Daerah Kuala Belait menjadi Ketua, Pejabat Tanah Kuala Belait; Pegawai Daerah Tutong menjadi Ketua, Pejabat Tanah Tutong; dan Pegawai Daerah Temburong menjadi Ketua, Pejabat Tanah Temburong.

PERADUAN LUKISAN POSTER HARI KESEHATAN SA DUNIA

Suatu Peraduan Lukisan Poster sebagai mera'ikan Hari Kesehatan Sa Dunia yang jatohnya pada hari Sabtu 7 April, 1956 sedang dijalankan untok kanak2 sekolah diseluruh Negeri Brunei. Peraduan ini adalah diusahakan dibawah anjoran Pertubohan Kesehatan Sa Dunia iaitu sabuah Jabatan dari Pertubohan Bangsa2 Bersatu.

Mauthu' tersebut ialah BINASAKAN HAMA2 YANG MEMBAWA PENYAKIT. Peraduan ini adalah terbuka kapada kesemua kanak2 sekolah diseluruh Negeri ini.

Kesemua Lukisan2 itu hendaklah dialamatkan kapada Penaja, Peraduan Lukisan Poster Hari Kesehatan Sa Dunia, Brunei, c/o Pejabat Penerangan Negeri, Bandar Brunei, Brunei.

Sharat2 yang hendak diikuti adalah saperti dibawah ini:-

Peraduan Lukisan ini adalah terbuka hanya kapada kanak2 sekolah yang sedang belajar pada masa ini, dan lukisan2 itu hendaklah dihantar melalui Guru2 Besar Sekolah2.

Lukisan2 hendaklah berdasarkan atas mauthu' BINASAKAN HAMA2 YANG MEMBAWA PENYAKIT; dan hendaklah dilukiskan dengan warna.

Besarnya tiap2 lukisan poster itu tidaklah lebeh daripada 18 inchi persegi. Chogan2 kata yang sesuai, jika digunakan dalam lukisan poster itu, akan mendapat pertimbangan.

Kesemua kanak2 sekolah yang masok beradu hendaklah menuliskan namanya, umor dan nama sekolahnya dengan terang disabelah penjuru kanan dibawah lukisan itu.

Kanak2 sekolah yang masok beradu hendaklah hantarkan lukisan2 poster mereka kapada Penaja peraduan ini dan mestilah diterima tidak lewat daripada tengah hari Thalhatha 3 April, 1956.

Keputusan Jawatan Kuasa peraduan ini adalah muktamad.

Tiga hadiah2 akan diberi, iaitu Hadiah Pertama sebanyak \$ 50; Hadiah Kedua sebanyak \$ 25; dan Hadiah Ketiga sebanyak \$10.

Keputusan peraduan ini akan diumomkan dalam akhbar tempatan selepas 7 April, 1956 apabila Lukisan2 Poster itu akan ditunjukkan di Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei.

BERITA AKHIR

KEBAKARAN DI TEMBURONG

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, telah memberi hadiah sebanyak \$ 200 kapada dua kelamin di Daerah Temburong, Brunei sebagai bantuan pada mereka yang telah ditimpa kemalangan kerana rumah2 mereka terbakar baharu2 ini. (Berita lanjut akan disiarkan dalam PELITA BRUNEI Bilangan Yang Keempat - PENGARANG).
